

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/ 7/ 2010

PGPO kaji tindakan undang-undang laut ke atas Israel

KUALA LUMPUR 11 Julai – Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) kini mengkaji segala peruntukan undang-undang laut antarabangsa bagi mengambil tindakan ke atas Israel ekoran rampasan dua kapal misi bantuan kemanusiaan ke Gaza, baru-baru ini.

Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana tindakan negara haram Israel itu yang

merampas kedua-dua kapal berkenaan adalah serupa dengan perbuatan lanun di laut.

Jelasnya, tambahan pula Israel kini menahan kedua-dua kapal berkenaan dalam premis negara itu yang serupa dengan kegiatan beberapa kumpulan lanun di perairan Somalia.

“Sekiranya masyarakat antarabangsa menyelar perbuatan lanun di Somalia, mengapa tindakan Israel

membuat rampasan kemanusiaan di perairan antarabangsa tidak dianggap salah?

“Jadi, PGPO akan mengkaji segala peruntukan undang-undang laut yang ada serta tindakan lain bagi mengambil tindakan sewajarnya ke atas Israel,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas persidangan Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi

Marmara anjuran PGPO di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Perwakilan Misi Liga Arab New Delhi, Dr. Ahmed Salem Saleh Alwahishi.

Dr. Mahathir menambah, sekiranya undang-undang antarabangsa tidak menyebelahi PGPO dalam hal itu, badan sukarela tersebut tetap berupaya memperlihatkan kesalahan Israel kepada masyarakat dunia.

Sementara itu, Dr. Ahmed Salem memberitahu, negara-negara liga Arab kini bersetuju untuk membawa Israel ke muka pengadilan selepas negara Yahudi itu menindas Palestin selama 60 tahun selama ini.

“Qatar telah bersetuju membiayai segala kos perundangan bagi membolehkan masyarakat antarabangsa mengheret Israel ke muka pengadilan,” tegasnya.

UM-12/07/10